

30/07/1997

Albright ketepikan kritikan PM

SINGAPURA, Selasa - Setiausaha Negara Amerika Syarikat Madeleine Albright, mengetepikan kritikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, terhadap Barat, hari ini, menyatakan Perdana Menteri Malaysia tidak bercakap bagi pihak rantau Asia Tenggara.

"Saya rasa Dr Mahathir ada kesnya sendiri," katanya kepada wartawan selepas mesyuarat serantau di Kuala Lumpur, apabila Dr Mahathir mengkritik secara terbuka spekulator mata wang Barat yang bertanggungjawab dalam kejatuhan mata wang Asean.

Dr Mahathir mengkritik Amerika dalam mesyuarat Asean, dialu-alukan oleh negara Selatan dan Asia Tenggara, yang menganggapnya sebagai jurucakap rantau itu.

"Beliau mempunyai pandangan yang dinyatakan dengan kasar," kata Albright.

"Pandangannya itu tidak membayangkan, daripada pengamatan saya, di kalangan kepimpinan generasi muda negara Asean," kata Albright.

(END)